

# 3 jam paut pokok

## Wanita hanya mampu lihat ibu mentua dihanyut arus deras

JITRA: "Saya melihat sendiri bagaimana ibu mentua dihanyutkan air, tetapi tak mampu menolongnya kerana nyawa saya dan suami juga pada waktu itu bagai telur di hujung tanduk."

Demikian kata Ashalehah Zain, 40, yang terselamat daripada lemas selepas berpaut pada sebatang pokok hampir tiga jam apabila banjir menenggelamkan rumahnya di Kampung Kota Giam, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, suami Ashalehah, Yusuf Abdullah, 41, seorang warga Jerman turut mengalami pengalaman serupa, namun ibu Yusuf, Erna Fischer, 64, hanya mampu berpaut pada pokok selama satu minit sebelum dihanyutkan arus deras dan masih belum ditemui sehingga petang semalam.

"Saya dan suami yang berpaut pada pokok berasingan hanya mampu bertawakal kepada Allah SWT kerana sadar nyawa kami dalam bahaya," kata Ashalehah.

Ashalehah dan Yusof diselamatkan anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kedah, kira-kira jam 11.30 malam selepas menerima maklumat penduduk kampung berkenaan.

Ashalehah berkata, sebelum kejadian dia dan suami serta ibu mentuanya keluar daripada kediaman mereka sejeurus melihat air sungai membanjiri rumah mereka hingga ke paras pinggang.

Menurutnya, tidak sampai seminit mereka keluar, tiba-tiba arus deras menolak mereka hingga ke sungai kira-kira 300 meter dari rumahnya.

"Saya sempat berpaut pada sebatang pokok di tepi sungai itu manakala suami berpaut dan memanjat pokok kira-kira lima meter daripada saya.

"Saya dengar ibu menjerit meminta tolong dan lama-kelamaan suara itu semakin sayup dan tidak kedengaran lagi," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, malam kelmarin.

Ashalehah berkata, dia nampak ibu mentuanya dibawa arus



**TENGCELAM...lalu ke Hospital Kuala Nerang turut dinaiki air.**

**AGIH...petugas mengagihkan bekalan makanan kepada mangsa banjir di Pekan Kuala Nerang, semalam.**

deras melalui sungai itu dan terkilang kerana tidak sempat menyelamatkannya.

Bagaimanapun, Ashalehah menyifatkan dia bernasib baik kerana ketika kejadian, anaknya yang berusia 13 dan 10 tahun berada di asrama sekolah.

Katanya, dia sudah tujuh tahun tinggal bersama suami di kampung berkenaan dan kadang-kala ibu mentuanya melawat mereka dan tinggal antara dua atau tiga bulan sebelum pulang ke Jerman.

"Sepatutnya hari ini (semalam) ibu pulang ke Jerman kerana tiket penerbangan sudah ditempah. Namun, segala-galanya sudah ditakdirkan dan saya hanya mampu berdoa supaya ibu selamat," katanya.

Penduduk kampung, Ropian Hasan, 51, berkata, dia menemui pasangan suami isteri itu selepas terdengar suara meminta tolong dari pokok tidak jauh dari rumahnya.

"Saya meredah air separas dada ke kawasan pokok itu dan terkejut mendapati seorang lelaki dan seorang wanita sedang berpaut pada dua batang pokok," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertahanan Awam Kota Setar, Leftenan Muda Khairul Afzan Yassin berkata, pihaknya mengambil masa hampir satu jam untuk menyelamatkan kedua-dua mangsa.

"Kami mengerah 150 anggota dalam misi menyelamatkan mangsa di empat daerah yang terbabit banjir," katanya.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintendan Sawaludin Hamenudin pula berkata, Erna dilaporkan hilang kira-kira jam 8.30 malam ketika keluar menyelamatkan diri bersama anak dan menantunya.

## >14,818 mangsa dipindah

**A**LOR SETAR: Banjir di Kedah bertambah buruk apabila seramai 14,818 penduduk membabitkan 4,188 keluarga di empat daerah di negeri itu iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena dan Kota Setar dipindahkan ke 87 pusat penempatan apabila rumah mereka dinaiki air sedalam antara satu dan lebih dua meter berikutan hujan lebat sejak Sabtu lalu.

Kubang Pasu mencatat mangsa banjir paling ramai dipindahkan iaitu 10,834 orang membabitkan 3,108 keluarga diikuti Padang

Terap, 3,478 orang daripada 927 keluarga, Kota Setar seramai 438 orang daripada 136 keluarga manakala Pokok Sena membabitkan 68 orang daripada 17 keluarga.

Tinjauan Harian Metro di daerah Padang Terap, semalam mendapati, keadaan bertambah buruk apabila laluan utama dari Kuala Nerang ke Padang Sanai ditutup kerana dinaiki air sedalam 1.5 meter di hadapan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap dan di bangunan Majlis Daerah Padang Terap.

Ketua Penolong Pegawai Daerah Padang Terap, Abdul Gafar Yahya berkata, 38 kampung membabitkan 11 mukim di daerah itu terjejas dengan banjir kerana ditenggelami air setinggi paras pinggang sehingga menenggelamkan kenderaan selain terputus perhubungan jalan raya, semalam.

"Kita membuka 41 pusat penempatan sementara di beberapa tempat di mukim ini apabila paras air naik mendadak selepas hujan lebat tanpa henti sejak dua hari lalu," katanya.



**MELIMPAH...jalan di pekan Rantau Panjang dinaiki air sedalam satu meter berikutan air Sungai Golok melimpah.**

## 3 pusat pemindahan dibuka di Rantau Panjang

**R**ANTAU PANJANG: Tiga pusat pemindahan di jajahan ini mula dibuka sejak pagi semalam bagi menempatkan keluarga yang terjejas selepas rumah masing-masing dinaiki air berikutan hujan lebat sejak Jumaat lalu.

Sehingga jam 5 petang semalam, tiga pusat pemindahan iaitu Stesen Keretapi Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi dan Masjid Kubang Kual mula menempatkan 340 mangsa.

Tinjauan Harian Metro di salah sebuah pusat pemindahan itu semalam, mendapati kawasan terbabit dinaiki air setinggi 0.5 hingga 1 meter.

Mangsa mula sibuk memindahkan barangan masing-masing termasuk keperluan memasak yang dibawa sendiri dari rumah mereka.

Mangsa, Hasnah Yusuf, 50, dari Kampung Kedai Lama, dekat sini, berkata, rumahnya mula dinaiki air sehingga pa-

ras pinggang sejak jam 7.30 malam lagi.

Bagaimanapun, katanya, dia sudah melakukan persiapan awal dengan meletakkan barangan penting di tempat lebih tinggi sebelum berpindah ke pusat pemindahan.

"Banjir ini perkara biasa dan memang dijangkakan pada waktu begini. Saya sudah bersedia meletakkan barangan penting di tempat tinggi supaya selamat," katanya.

# Korban pertama

Remaja lelaki 13 tahun tergelincir ketika tangkap ikan di tali air

>>Oleh Mohamad Hussin  
mohamad@hmetro.com.my

**A**LOR SETAR: Seorang remaja lelaki berusia 13 tahun menjadi korban pertama banjir di daerah Padang Terap selepas tergelincir ke dalam tali air ketika menangkap ikan di di Kampung Ceruk Bongor, Kuala Nerang, dekat sini, semalam.

Sebelum kejadian kira-kira jam 6 petang itu, Mohd Zaki Shaari pelajar Sekolah Me-

nengah Kebangsaan (SMK) Kuala Nerang, di sini, dikatakan menangkap ikan bersama abangnya di kawasan sawah padi berhampiran rumahnya.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Superintendan Ku Yaacob Ku Hamad berkata, pihaknya menerima laporan daripada keluarga mangsa pada jam 6.15 petang mengenai kejadian itu.

"Mangsa dikatakan menangkap ikan bersama abangnya di kawasan sawah



berhampiran rumahnya sebelum tiba-tiba terjatuh ke dalam tali air," katanya. Beliau berkata, mayat

mangsa ditemui jam 7.15 malam semalam di sungai berhampiran rumahnya.

"Mayat Mohd Zaki dihantar ke Hospital Kuala Nerang untuk dibedah siasat sebelum dituntut ahli keluarganya. Mangsa korban pertama mangsa banjir di Padang Terap sejak hujan berterusan Ahad lalu.

"Kami menasihatkan ibu bapa supaya mengawal anak masing-masing bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

# Penduduk berebut beli kuih kering di pasar raya

**K**ANGAR: Penduduk berebut-rebut mendapatkan makanan hingga menyebabkan jualan kuih kering di pasar raya sekitar Kangar kehabisan berikutan banjir yang mula menenggelamkan hampir keseluruhan bandar itu, semalam.

Tinjauan mendapati barangan makanan, termasuk mi segera, roti dan biskut kehabisan sejak malam kelmarin ketika air mula melimpah memasuki bandar Kangar.

Setakat ini, hampir 4,000 penduduk dipindahkan ke 35 pusat pemindahan yang disediakan Jawatankuasa Bencana Alam di seluruh Perlis berbanding 1,600 mangsa dicatatkan jam 12 tengah malam kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu mengarahkan semua cuti kakitangan agensi yang berkaitan dibekukan berikutan banjir bertambah buruk sekarang.

Malah, dilaporkan ada kampung di sekitar Kangar dinaiki air sehingga dua meter hingga menyebabkan pasukan penyelamat menggunakan sampan untuk memindahkan mangsa.

"Majlis Keselamatan Negara (MKN) Perlis menyetujui langkah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis melepaskan takungan air di empangan Timah Tassoh selepas mencatat paras tertinggi 30.45 meter iaitu melebihi paras bahaya.

"Kami sedar tindakan melepaskan air takungan terbabit memberi kesan kepada bandar Kangar tetapi terpaksa dilakukan bagi mengelak



**BANJIR...keadaan Jalan Persiaran Jubli Emas, Kangar tenggelam 0.5 hingga 1 meter.**



**MUSNAH...keadaan banjir di Kampung Bakau, Kangar yang tenggelam.**

kejadian lebih buruk terhadap empangan berkenaan," kata Md Isa selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Sena, di sini, awal pagi semalam.

Turut hadir Setiausaha Ke-

rajaan Perlis, Datuk Azizan Hamid; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Perlis, Jamil Saad dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis, Abdullah Ali.

Md Isa menasihatkan pen-

duduk menjaga keselamatan diri dan keluarga serta tidak membiarkan anak bermain air banjir tanpa diawasi hingga boleh menyebabkan kemalangan jiwa.

Katanya, banjir memusnah-

# Terpaksa catu makanan

**H**AADYAI (Selatan Thailand): Rakyat Malaysia yang turut menjadi mangsa apabila terperangkap di dalam hotel penginapan berikutan banjir besar melanda bandar ini sejak kelmarin, terpaksa mencatu makanan masing-masing.

Setakat ini, Wisma Putra cuba mengenal pasti jumlah rakyat Malaysia yang terperangkap di dalam banjir di wilayah selatan negara itu melalui Konsulat Malaysia di Songkla.

Antara yang terperangkap dalam hotel di bandar itu dua keluarga dari Pulau Pinang yang melancong ke Krabi dan sepatutnya pulang semula ke Malaysia kelmarin tetapi terhalang apabila mengetahui Lebu-

raya Utara-Selatan di Changlun ditutup.

Mangsa menginap di bandar itu apabila dinasihatkan tidak meneruskan perjalanan ke Danok sebelum memasuki Malaysia berikutan bimbang banjir lebih besar di kawasan berkenaan.

Eksekutif Pemasaran, Rita Muhammmad, 28, berkata dia dan suami, Zulfitri Md Zain dan dua anak mereka yang berusia satu dan lima tahun memasuki Thailand Jumaat lalu, bersama keluarga adik perempuannya.

"Kami sepatutnya bertolak pulang semula semalam (kelmarin) tetapi kini terperangkap di Hotel Florida Haadyai," katanya.



**SELAMAT...kanak-kanak bermain air menggunakan tong dram sebagai rakit.**

kan 11,000 hektar kawasan penanaman padi manakala dua pertiga daripada negeri itu dinaiki air banjir bermula malam Ahad lalu.

Difahamkan, 4,000 mangsa berasal dari lebih 30 kampung terjejas kini ditempatkan di 35 pusat pemindahan yang dibuka pihak berkuasa termasuk lebih separuh di sekitar Kangar dan Arau, yang dilapor mula dinaiki air sejak malam kelmarin.

Berdasarkan maklumat, selain kawasan pusat bandar dan beberapa taman sekitar pinggir daerah itu dilaporkan dinaiki air sehingga dua meter bermula 10 pagi semalam, kawasan pekan Arau termasuk sekitar Istana Diraja Arau, turut terjejas sekali gus menghalang laluan keluar masuk ke lokasi berkenaan.

Selain itu, beberapa laluan utama memasuki Kangar dan Arau ditutup selepas terhalang dengan banjir manakala laluan ke Padang Besar masih lagi gagal dilalui terutama kenderaan kecil terutama di Balai Baru, Berseri dan juga Padang Melangit.

Difahamkan, sehingga semalam 21 sekolah di seluruh negeri membabitkan 11 sekolah rendah dan 10 sekolah menengah diberikan cuti bencana membabitkan 9,226

pelajar, selepas semua premis terbabit sama ada terjejas atau digunakan untuk tujuan pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ketika dihubungi berkata, sehingga kini 35 pusat pemindahan dibuka di seluruh negeri terutama di sekitar Kangar dan Arau, manakala beberapa pusat di sekitar Padang Besar ditutup semula.

Difahamkan, banjir yang melanda Perlis bermula malam Ahad lalu berpunca daripada hujan lebat yang secara tidak langsung menyebabkan takungan air di beberapa sungai utama termasuk Empangan Timah Tasoh melimpah.

Malah, tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuka enam pintu air untuk melepaskan lebihan takungan turut dikatakan menjadi pendorong kepada peningkatan paras air, sekali gus menenggelamkan hampir dua pertiga kawasan negeri.

Pengarah JPS Perlis, Ir Nishad Mohamed Mohd Shaffy, ketika ditemui bagaimanapun menafikan tindakan pihaknya melepas keluar air melalui enam pintu di empangan terbabit menjadi punca utama banjir di Perlis.